

# BUKU PANDUAN PELAJAR



**PROGRAM SARJANA SAINS PERUBATAN  
DAN DOKTOR FALSAFAH  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**BUKU PANDUAN PELAJAR  
PROGRAM  
SARJANA SAINS PERUBATAN  
DAN  
DOKTOR FALSAFAH  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI PERUBATAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN  
MALAYSIA (UKM)**

## **Isi Kandungan**

1. Pengenalan
2. Falsafah, Visi, Misi, dan Objektif Pendidikan UKM
3. Visi, Misi, dan Objektif Pendidikan Fakulti Perubatan
4. Program
5. Kakitangan Pengurusan
6. Program Sarjana Sains Perubatan (Mod Penyelidikan)
  - 6.1 Pengenalan
  - 6.2 Objektif Program
  - 6.3 Struktur Program
  - 6.4 Penyeliaan
  - 6.5 Syarat Kemasukan
  - 6.6 Kaedah Penyampaian
  - 6.7 Penilaian
  - 6.8 Penulisan Disertasi
  - 6.9 Peperiksaan Lisan
  - 6.10 Naiktaraf daripada Program Sarjana ke Doktor Falsafah
  - 6.11 Kriteria Pengijazahan
  - 6.12 Penganugerahan Ijazah
7. Program Doktor Falsafah (Mod Penyelidikan)
  - 7.1 Pengenalan
  - 7.2 Objektif Program
  - 7.3 Struktur Program
  - 7.4 Penyeliaan
  - 7.5 Syarat Kemasukan
  - 7.6 Kaedah Penyampaian
  - 7.7 Penilaian
  - 7.8 Penulisan Tesis
  - 7.9 Peperiksaan Lisan
  - 7.10 Kriteria Pengijazahan
  - 7.11 Penganugerahan Ijazah
8. Sokongan Pelajar
9. Pemberhentian Pelajar dan Rayuan
10. Penafian

## **1. Pengenalan**

Cetusan pertama gagasan perlunya pendidikan tinggi untuk orang Melayu muncul dalam Mesyuarat Majlis Raja-raja pada 1903. Namun demikian, pemikiran dan tekad tersebut tidak dapat berkembang dan terlaksana kerana wujudnya berbagai-bagai halangan dan rintangan oleh tekanan kolonialisme.

Mulai 1957 hingga 1967, perjuangan untuk penubuhan universiti kebangsaan menjadi semakin bersemarak sebagai memenuhi tuntutan dan semangat kemerdekaan bangsa dan negara. Perjuangan yang tidak pernah luput itu mencapai kejayaan dengan penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 18 Mei 1970 yang memulakan operasi pertamanya di Lembah Pantai Kuala Lumpur. Kumpulan pertama pelajar prasiswazah seramai 192 orang dan dua (2) orang siswazah mula mendaftar di tiga (3) buah fakulti iaitu Fakulti Sains, Fakulti Sastera dan Fakulti Pengajian Islam.

Universiti ini terus berkembang pesat sebagai sebuah universiti awam terkehadapan yang kini mempunyai tiga belas (13) fakulti dan dua belas (12) institut kecemerlangan penyelidikan. UKM juga mempunyai entiti yang beroperasi secara komersial, iaitu UKM Holdings Sdn. Bhd. dan UKM Technology Sdn. Bhd. sebagai satu pendekatan dalam mengkomersilkan dan memasyarakatkan kepakaran yang dimiliki di samping menjana kewangan Universiti.

Fakulti Perubatan telah ditubuhkan pada 30 Mei 1972 dengan Dekan pertama Dato' Dr. Amir Abas. Tujuan penubuhan Fakulti ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar aliran kebangsaan mengikuti kursus perubatan dan dapat melahirkan ramai doktor-doktor Melayu dan tempatan. Fakulti ini memulakan kursus pra-perubatan di Fakulti Sains UKM Jalan Pantai Baharu, Kuala Lumpur pada Mei 1973. Peperiksaan Ikhtisas Akhir Ijazah Doktor Perubatan yang pertama telah diadakan pada 19 hingga 31 Mac 1979 dan daripada 42 orang pelajar yang mengambil peperiksaan, 37 daripadanya telah lulus dan dikurniakan ijazah Doktor Perubatan. Ini merupakan detik gemilang bagi Fakulti Perubatan khasnya dan UKM amnya kerana telah berjaya mengeluarkan graduan pertama Ijazah Doktor Perubatan.

Fakulti juga telah memulakan program Sarjana Kepakaran Perubatan mulai sesi 1981/82 bermula dengan Sarjana Surgeri (Surgeri Am) dan Sarjana Surgeri (Ortopedik) dan diikuti dengan Sarjana Sains Perubatan dan Doktor Falsafah. UKM adalah universiti pertama di Malaysia yang menawarkan program Sarjana pascasiswazah klinikal. Pada awal 1990, Fakulti bercadang menubuhkan hospital pengajarnya sendiri dan pada 2 November 1993 pembinaan Hospital UKM (HUKM) telah dimulakan di tapak seluas 23 hektar di Jalan Tenteram, Bandar Tun Razak, Cheras. Pada 1 Julai 1997 HUKM telah siap dibina dan mulakan operasinya.

Fakulti telah menawarkan 17 program Doktor Falsafah (PhD) dan 15 program Sarjana Sains Perubatan (SSnPer) mod penyelidikan di bawah pelbagai jabatan, selain program pascasiswazah yang lain seperti Doktor Kesihatan Awam (DrPH), Sarjana Kepakaran Lanjutan, program Sarjana Klinikal, dan program SSnPer mod campuran. Bermula Semester I Sesi 2020-2021, pelbagai program SSnPer (mod penyelidikan) dan PhD telah dikonsolidasikan menjadi satu program SSnPer (mod penyelidikan) dan satu program PhD. Objektif program ini adalah tetap sama selepas konsolidasi, iaitu untuk menghasilkan graduan dengan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai disiplin supaya dapat memimpin industri kesihatan dan farmaseutikal, serta berjaya sebagai pengurus, penyelidik dan ahli akademik. Pendekatan multi-disiplin dan multi-profesional ini diharapkan dapat mewujudkan modal insan holistik yang dapat mendorong negara ke arah negara maju. Program konsolidasi ini

membolehkan pengurusan dan pemantauan yang lebih berkesan, sementara dapat menghasilkan kerjasama yang lebih baik antara ahli akademik dari pelbagai jabatan di Fakulti dan membuka lebih banyak peluang untuk meneruskan pengajian pascasiswazah mod penyelidikan dalam pelbagai kepakaran klinikal dan pra-klinikal. Pada masa ini, UKM mendukung lima nilai utama yang menjadi kerangka untuk UKM terus cemerlang dan keterhadapan. Nilai-nilai tersebut, secara singkatnya dikenali sebagai TERAS, adalah Talent (bakat), Ethics (etika), Revitalise (menghidupkan semula), Agile (tangkas) dan Soul (jiwa). Nilai TERAS ini menjadi asas kepada perancangan strategik dan perlaksanaan tanggungjawab oleh kesemua warga UKM. Dalam menyokong 5 nilai ini, 5 Bitara TERAS telah dibangunkan iaitu Watan, i-minda, Holistik, Digital, dan Prihatin. Diharapkan nilai TERAS yang memayungi 5 kebitaraan ini akan memperkuuhkan usaha UKM untuk menjadi universiti yang relevan dalam arus perkembangan masa kini dan berupaya membuat pengubahsuaian mengikut keperluan masa hadapan. Nilai TERAS ini juga menasarkan untuk memastikan graduan UKM menyumbang kepada pembangunan negara dan pada masa yang sama UKM berupaya meningkatkan kemandiriannya.

Menginsafi bahawa UKM adalah institusi harapan masyarakat, seluruh warga universiti sama ada warga kerja maupun pelajar diimbau supaya menyelami dan memahami keperluan rakyat menerusi persoalan yang berlegar dalam kehidupan bernegara selaras dengan peranan UKM sebagai Pendaulat Amanah Negara. Namun ini tidak menghadkan jangkauan universiti terhadap segenap perkembangan malah pergolakan yang berlaku di peringkat antarabangsa. Universiti yang memiliki pelbagai kepakaran merentas disiplin diyakini berupaya melangkui garis psikologi yang membolehkannya beraksi tangkas dalam arena global serta sama-sama memberi jawaban dan penyelesaian permasalahan yang menghambat kehidupan sejagat.

## **2. Falsafah, Visi, Misi, Matlamat Pendidikan dan Nilai Universiti Kebangsaan Malaysia**

**Moto**

Mengilham harapan, mencipta masa depan

**Falsafah**

Paduan antara iman kepada Allah dengan ilmu yang bermanfaat serta gabungan antara teori dengan amal adalah dasar utama bagi perkembangan ilmu, proses pembinaan masyarakat terpelajar dan pembangunan Universiti.

**Visi**

UKM bertekad menjadi Universiti terkehadapan yang mendahului langkah masyarakat dan zamannya bagi membentuk masyarakat dinamik, berilmu dan berakhhlak mulia.

**Misi**

Menjadi Universiti terpilih yang memartabatkan bahasa Melayu serta mensejagatkan ilmu beracuan budaya kebangsaan.

**Matlamat Pendidikan**

Graduan Beraspirasi Kebangsaan, Berkompeten, Berdaya Saing dan Inovatif

**Nilai UKM**

Keserakanan, Akauntabiliti, Merit, Inovatif dan Integriti (KAMII)

**3. Visi, Misi dan Objektif Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia**

## **Visi**

Untuk menjadi hab akademik perubatan yang terkehadapan dan berdaya saing berteraskan ilmu, inovasi dan pasukan profesional perubatan yang berdedikasi dalam membentuk masyarakat yang sihat dan bermaklumat.

## **Misi**

Untuk memberi pendidikan dalam profesional perubatan dan perkhidmatan bermutu tinggi berteraskan penyelidikan, dalil perubatan, inovasi dan kepekaan sosial.

## **Objektif**

- a. Menyepadukan pendidikan perubatan prasiswazah
- b. Mengembangkan pendidikan perubatan pascasiswazah
- c. Meningkatkan program-program Sains Perubatan dalam bidang tujuan
- d. Mengembangkan pendidikan perubatan secara berterusan
- e. Memupuk penyelidikan berkualiti dalam bidang tujuan
- f. Memperkuuh dan memperluaskan perkhidmatan pakar
- g. Memastikan persekitaran kerja yang kondusif dan budaya kerja yang sihat

## **4. Program**

Program konsolidasi SsnPer (Mod Penyelidikan) dan Doktor Falsafah di Fakulti Perubatan ditawarkan mulai Semester I Sesi 2020-2021.

## **5. Kakitangan Pentadbiran**

Pelajar boleh merujuk kepada Sekretariat Pengajian Siswazah (SPS) untuk perkara yang berkaitan dengan pengajian. Maklumat dan direktori kakitangan SPS dan Penyelaras Program Jabatan boleh didapati di laman web <https://www.ukm.my/spsfper/>.

**Program  
Sarjana Sains Perubatan  
(Mod Penyelidikan)**

**Fakulti Perubatan  
UKM**

## **6.1 Pengenalan**

Program SsnPer (Mod Penyelidikan) dijalankan melalui kerja penyelidikan di bawah penyeliaan ahli akademik Fakulti untuk menghasilkan disertasi penuh pada akhir program. Program ini membolehkan pelajar memcebur topik penyelidikan di bawah skop Sains Perubatan. Mod Program ini melatih pelajar berfikir secara kritikal dan mempunyai pemahaman yang baik dalam bidang tersebut.

## **6.2 Objektif Program**

### **Objektif Pendidikan Program**

Program ini bertujuan untuk:

- a. Melahirkan graduan kompeten yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran mantap dalam bidang sains perubatan dan kesihatan selaras dengan tahap 7 MQA.
- b. Membentuk kemahiran dan kompetensi penyelidikan.
- c. Melahirkan graduan yang mempunyai sikap profesional serta beretika.

### **Hasil pembelajaran program**

Pada akhir program, pelajar dijangka berkompetensi dalam:

- a. Menunjukkan penguasaan pengetahuan dalam bidang Perubatan dan Sains Kesihatan.
- b. Mengaplikasi kemahiran praktikal menjurus kepada idea inovatif untuk memberi pendedahan dalam bidang Perubatan dan Sains Kesihatan.
- c. Menghubungkaitkan idea penyelidikan dengan isu kemasyarakatan dalam bidang Perubatan dan Sains Kesihatan.
- d. Menjalankan penyelidikan secara bebas dan patuh kepada perundangan, etika dan kod amalan profesional.
- e. Mempamerkan kualiti kepimpinan melalui komunikasi dan kerjasama berkesan dalam kalangan penyelidik dan pihak berkepentingan.
- f. Menangani permasalahan dengan menggunakan kemahiran saintifik dan pemikiran kritikal.
- g. Mempamerkan komitmen kepada pembelajaran sepanjang hayat.

## **6.3 Struktur Program**

### **Bentuk Pendaftaran**

Bentuk pengajian untuk program adalah seperti berikut:

<b>Jenis</b>	<b>Kewarganegaraan</b>
Sepenuh masa	Malaysia Antarabangsa
Separuh masa	Malaysia Ekspatriat

Hanya pelajar warganegara boleh memohon kepada Dekan/Pengarah, untuk menukar status pendaftaran daripada sepenuh masa kepada separuh masa atau sebaliknya, bagi program yang berkaitan, tertakluk kepada syarat seperti berikut:

- (a) permohonan boleh dibuat sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian; dan
- (b) permohonan tidak boleh dibuat selepas tempoh masa maksimum pengajian tamat; dan
- (c) permohonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan/Pengarah dalam tempoh empat (4) minggu daripada tarikh semester bermula.

Ekspatriat yang sedang berkhidmat di Malaysia dibenar untuk melanjutkan pengajian secara separuh masa tertakluk kepada peraturan berikut:

- (a) Ekspatriat tersebut berada di Malaysia menggunakan Pas Pengajian;
- (b) Ekspatriat perlu memohon kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk mendapatkan kebenaran belajar menggunakan Pas Pengajian sebelum mendaftar sebagai pelajar separuh masa;
- (c) Sekiranya kontrak ekspatriat/pekerja tamat atau ditamatkan, ekspatriat perlu memohon Pas Pelajar daripada Jabatan Imigresen Malaysia dan menukar bentuk pengajian ke sepenuh masa;
- (d) Sebarang perubahan tertakluk kepada peraturan Jabatan Imigresen Malaysia dari semasa ke semasa.

### **Tempoh Pengajian**

Tempoh pengajian lazim program bagi Sarjana adalah seperti berikut:

	Sepenuh masa		Separuh masa	
	Tempoh Lazim	Tempoh Maksimum	Tempoh Lazim	Tempoh Maksimum
Bil. semesters	4	6	6	8

Walau bagaimanapun, pelajar yang cemerlang boleh memohon secara bertulis kepada Dekan melalui SPS untuk dikecualikan daripada syarat tempoh lazim tertakluk kepada tempoh minimum satu (1) tahun, setelah memenuhi keperluan program, syarat penerbitan dan syarat-syarat lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Fakulti dan Peraturan-peraturan UKM semasa.

Pelajar yang telah mencapai tempoh maksimum pengajian boleh memohon tambah masa pengajian. Pelajar yang tidak memohon tambah masa boleh diberhentikan kerana tamat tempoh pengajian.

### **Tambah masa pengajian**

Pelajar boleh membuat permohonan tambah masa pengajian bagi tiga (3) semester sebelum mencapai tempoh maksimum pengajian secara bertulis kepada Dekan melalui SPS. Pelajar boleh memohon tambahan masa satu (1) semester sahaja tertakluk kepada keputusan Senat.

Pelajar yang tempoh pengajiannya melebihi bilangan tahun maksimum termasuk tambahan masa boleh diberhentikan.

Pelajar yang menangguh pengajian dalam tempoh tambah masa tertakluk kepada syarat penangguhan pengajian.

### **Pertukaran mod pengajian**

Pelajar yang mengikuti program pengajian di bawah sesuatu mod boleh memohon untuk menukar kepada mod lain tertakluk kepada syarat berikut:

- (a) permohonan boleh dibuat sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian;
- (b) permohonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan melalui SPS dalam
- (c) tempoh empat (4) minggu daripada tarikh semester bermula;
- (d) permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh dua (2) semester dari tarikh
- (e) pendaftaran masuk ke Universiti;
- (f) syarat kelayakan masuk mod baharu dipenuhi;
- (g) jika pertukaran mod pengajian berlaku daripada mod penyelidikan ke mod kerja kursus/campuran atau sebaliknya, tempoh pengajian sebelum pertukaran mod pengajian tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum yang dibenarkan dan tertakluk kepada tempoh lazim pengajian baharu bagi melayakkan diri untuk suatu ijazah;

Pelajar antarabangsa yang telah mendapat kelulusan pertukaran bidang pengkhususan perlu memaklumkan kepada pejabat pengurusan visa di Universiti untuk mendapatkan pertukaran pas pelajar.

### **Penangguhan pendaftaran masuk pelajar baharu**

Pemohon yang telah diterima masuk tetapi belum mendaftar boleh memohon menangguh pendaftaran masuk untuk tempoh tidak kurang daripada satu (1) semester dan tidak melebihi dua (2) semester. Semua permohonan penangguhan pendaftaran masuk hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pusat Pengurusan Akademik Universiti. Pemohon yang telah diterima masuk tetapi gagal mematuhi tempoh yang ditetapkan adalah dianggap menolak tawaran dan tawaran akan terbatal.

### **Pendaftaran pelajar sedia ada**

Pelajar sedia ada hendaklah mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan pada setiap semester/sesi bermula. Pelajar sedia ada yang tidak mendaftar dalam tempoh empat (4) minggu selepas semester/sesi bermula tanpa mendapatkan kebenaran secara bertulis untuk menangguhkan pengajian daripada Dekan akan diberikan status "Diberhentikan Sebab Tidak Mendaftar". Pelajar yang telah diberhentikan boleh membuat rayuan secara bertulis kepada Dekan melalui SPS untuk meneruskan semula pengajian dengan syarat tidak melebihi dua (2) semester berturut-turut dan dikenakan bayaran proses permohonan dan bayaran denda lewat mendaftar seperti yang ditetapkan oleh Universiti. Tempoh tidak mendaftar tersebut akan dikira sebagai tempoh tangguh pengajian dan tertakluk kepada tempoh penangguhan yang dibenarkan.

### **Penangguhan pengajian pelajar sedia ada**

Pelajar boleh memohon untuk menangguhkan pengajian berdasarkan sebab yang munasabah dan tempoh penangguhan ini tidak akan diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh pengajian yang ditetapkan. Penangguhan pengajian boleh dibenarkan untuk tempoh minimum satu (1)

semester dan tidak melebihi empat (4) semester sepanjang tempoh pengajian. Walau apapun tempoh yang ditetapkan sebelum ini, pelajar boleh memohon tambahan satu (1) semester sahaja untuk penangguhan pengajian tertakluk kepada kelulusan Senat. Pelajar yang diluluskan penangguhan pengajian tidak layak menggunakan sebarang kemudahan yang disediakan Universiti. Pelajar antarabangsa yang menangguh pengajian hendaklah membatalkan pas pelajar dan tertakluk kepada peraturan Jabatan Imigresen Malaysia dari semasa ke semasa.

Semua permohonan untuk menangguhkan pengajian hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan/Pengarah selewat-lewatnya empat (4) minggu daripada tarikh semester/sesi bermula. Bagi pelajar yang telah mendaftar, Fakulti boleh memberi kelulusan penangguhan pengajian selepas tempoh yang dinyatakan namun hendaklah sebelum tarikh peperiksaan/ penilaian semester bermula.

Pelajar yang tidak memohon penangguhan atau gagal mematuhi tempoh yang ditetapkan boleh diberhentikan dari pengajian.

### **Penangguhan khas pengajian**

Pemohon yang telah ditawarkan tetapi belum mendaftar dan pelajar sedia ada boleh memohon untuk penangguhan khas pengajian. Penangguhan khas ini tidak akan diambil kira dalam kiraan semester yang dibenarkan untuk tangguh. Syarat-syarat bagi membolehkan pelajar memohon penangguhan khas adalah seperti berikut:

- (a) sekatan kemasukan ke Malaysia oleh Kerajaan Malaysia;
- (b) sekatan keluar dari negara asal akibat perang atau wabak penyakit.
- (c) bencana/krisis luar jangka dan luar kawalan.

Semua permohonan untuk penangguhan khas pengajian ini hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan melalui SPS dalam tempoh empat (4) minggu daripada tarikh semester/sesi bermula beserta bukti-bukti yang bersesuaian bagi memenuhi perkara yang dinyatakan tertakluk maksimum dua (2) semester sepanjang tempoh pengajian.

### **Bahasa Pengantar**

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

### **Tempat pengajian**

Pelajar akan ditempatkan di jabatan penyelia. Kerja makmal akan dijalankan di jabatan tersebut atau mana-mana tempat yang sesuai, samaada di dalam atau luar kampus Fakulti yang diiktiraf oleh Universiti.

Pelajar hendaklah berada secara fizikal di kampus dengan tempoh kumulatif minimum SATU (1) semester sepanjang tempoh pengajian. Walau bagaimanapun, pelajar boleh memohon secara bertulis kepada Dekan melaui SPS untuk dikecualikan daripada syarat tersebut. Permohonan hendaklah dibuat dalam mana-mana semester sebelum pelajar menamatkan pengajian. Bagi perkara ini, pelajar perlu mendapatkan pengesahan sekurang-kurangnya daripada Penyelia Utama atau Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan bahawa pelajar tiada keperluan untuk hadir secara fizikal ke kampus sepanjang tempoh pengajian.

### **6.4 Penyeliaan**

1. Penyelia bagi pelajar di bawah program ini boleh terdiri daripada berikut:
  - a. Penyelia Utama; atau
  - b. kumpulan dua (2) penyelia yang terdiri daripada seorang Penyelia Utama dan seorang Penyelia Bersama; atau
  - c. Jawatankuasa Penyelia yang terdiri daripada seorang Penyelia Utama sebagai Pengerusi dan lebih seorang Penyelia Bersama sebagai ahli.

2. Semua penyelia hendaklah dilantik oleh Dekan dan bertanggungjawab untuk menyelia dan membimbing penyelidikan, penulisan disertasi serta menilai prestasi kemajuan pelajar.

## 6.5. Syarat Kemasukan

1. Seseorang yang ingin memohon untuk mengikuti program sarjana hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut:
  - (a) Ijazah Sarjana Muda dengan memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) yang baik dari Universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan/atau mempunyai akreditasi yang diiktiraf oleh Badan Akreditasi luar negara; atau
  - (b) Ijazah Doktor Perubatan atau Doktor Pergigian dari Universiti atau mana- mana institusi pengajian tinggi atau ijazah yang setaraf dengannya dari mana-mana institusi pengajian tinggi lain yang diiktiraf oleh Senat; atau
  - (c) Kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat yang diperoleh melalui Akreditasi Pembelajaran berdasarkan Pengalaman Terdahulu (APPT); atau
  - (d) Memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh polisi kemasukan jabatan masing-masing (termasuk lulus ujian saringan yang ditetapkan oleh jabatan bagi yang berkenaan) dan polisi kemasukan UKM yang terdapat di Peraturan-peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2021.
  - (e) Memenuhi syarat Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
2. Syarat keperluan Bahasa Inggeris:
  - a. Pelajar antarabangsa hendaklah memenuhi syarat keperluan Bahasa Inggeris dengan mendapat skor sekurang-kurangnya 550 untuk Ujian Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Asing (TOEFL) atau sekurang-kurangnya 6.5 untuk Sistem Ujian Bahasa Inggeris Antarabangsa (IELTS) atau skor sejajar untuk mana-mana perperiksaan yang telah dijajarkan kepada The Common European Framework of Reference (CEFR)\*; atau
  - b. Mendaftar dan lulus Kursus Persediaan Bahasa Inggeris dalam di UKM, iaitu Program Bahasa Inggeris Intensif (IEP), dengan had tempoh masa selama dua (2) tahun maksimum dan tertakluk kepada peraturan Jabatan Imigresen Malaysia yang sedang berkuat kuasa. IEP adalah kursus intensif yang memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris mereka dengan cara yang lebih cekap dan berkesan. Sebagai sebahagian daripada kursus ini, pelajar perlu menduduki *Cambridge English Placement Test* (CEPT). Setelah menamatkan kursus IEP, pelajar perlu menduduki Ujian MUET atau IELTS dan memperoleh skor MUET sekurang-kurangnya 4 atau skor IELTS sekurang-kurangnya 6.5. Sewaktu menjalani kursus IEP ini, pelajar akan berdaftar program pengajian sarjana sains perubatan secara penerimaan bersyarat.
  - c. Bagi calon antarabangsa yang mempunyai kelayakan akademik yang diperoleh dari mana-mana universiti tempatan yang diiktiraf oleh Senat, pelajar tersebut boleh dikecualikan dari syarat yang dinyatakan dalam 2.(a) dan 2.(b) di atas, tetapi calon tersebut akan menduduki CEPT dan jika pelajar tersebut gagal memperoleh skor yang ditentukan oleh program tersebut (IEP5), calon dikehendaki menghadiri dan lulus IEP.
  - d. Fakulti boleh memberikan pengecualian untuk syarat kecekapan Bahasa Inggeris untuk calon antarabangsa yang berasal dari negara di mana Bahasa Inggeris adalah bahasa rasmi atau menggunakan kelayakan akademik dari institusi pengajian tinggi

yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sepenuhnya atau telah memperoleh ijazah lanjutan dari mana-mana fakulti atau institut di UKM, tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti.

\*Nota: Senarai peperiksaan yang telah dijajarkan kepada CEFR adalah tertakluk kepada senarai yang mendapat kelulusan Senat dari semasa ke semasa.

3. Rayuan pertimbangan semula kemasukan ke program sarjana boleh dikemukakan kepada Fakulti/Institut yang dipohon dalam masa 30 hari dari tarikh keputusan diterima.

## **6.6 Kaedah Penyampaian**

Kaedah pengajaran-pembelajaran yang digunakan melibatkan aktiviti yang berkaitan dengan penyelidikan: penyediaan proposal, tinjauan artikel, reka bentuk dan eksperimen, pengumpulan dan analisis data, membuat kesimpulan, penulisan disertasi dan manuskrip, serta pembentangan di seminar dan persidangan. Kaedah pengajaran-pembelajaran program adalah bersesuaian dengan kurikulum. Pemantauan dilakukan oleh penyelia yang dilakukan secara berkala, melalui Laporan Kemajuan Calon (LKC) untuk setiap semester dan laporan kemajuan yang diadakan secara berkala di jabatan.

Setiap pelajar diminta untuk membentangkan proposal di jabatan untuk mendapat kelulusan dari Jabatan. Setelah mendapat kelulusan dari Jabatan, proposal tersebut akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Penyelidikan dan Etika UKMMC sebelum akhir semester pertama.

## **6.7 Penilaian**

Setiap pelajar dinilai melalui penilaian formatif dan sumatif. Penilaian formatif merangkumi penulisan artikel jurnal, penerbitan dan kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritikal dan kerja berpasukan. Seorang pelajar akan dinilai oleh penyelia pada setiap semester melalui LKC. Seorang pelajar boleh diberi status “Gagal dan Diberhentikan” sekiranya pelajar tersebut telah memperolehi LKC seperti berikut:

- (a) “dengan Ingatan” sebanyak empat (4) kali sepanjang tempoh pengajian; atau
- (b) “dengan Amaran” sebanyak dua (2) kali sepanjang tempoh pengajian; atau
- (c) gabungan dua (2) “dengan Ingatan” dan satu (1) “dengan Amaran” sepanjang tempoh pengajian; atau
- (d) “Gagal dan Diberhentikan” pada mana-mana semester.

Pelajar perlu menyempurnakan dan lulus kursus prasyarat yang ditetapkan iaitu Kursus Metodologi Penyelidikan bagi semua pelajar mod penyelidikan dan Kursus Bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa. Penilaian sumatif dibuat melalui peperiksaan lisan berdasarkan disertasi yang ditulis pada akhir penyelidikan. disertasi akan diperiksa oleh sekurang-kurangnya satu (1) Pemeriksa Luar dan satu (1) Pemeriksa Dalam.

Pelajar diminta untuk memberikan bukti -satu (1) Artikel Berindeks Jurnal *Web of Science* (WoS) telah diterbitkan atau telah diterima untuk penerbitan daripada hasil kajian pelajar dalam bidang berkaitan dengan penyelidikan Sarjana bersama Jawatankuasa Penyelia sebagai syarat untuk menduduki peperiksaan lisan. Semasa peperiksaan lisan, pelajar dinilai dengan mengukur tahap pencapaian dari segi kemampuan menganalisis, merumuskan dan kemampuan untuk mengkritik isu-isu yang berkaitan dengan penyelidikannya.

Penilaian bagi Kursus Kaedah Penyelidikan boleh dirujuk kepada proforma kursus yang disediakan di UKMfolio.

## **6.8. Penulisan Disertasi**

### **6.8.1. Disertasi**

1. Setiap pelajar dikehendaki mengemukakan disertasi untuk memenuhi syarat sebelum dianugerahkan Ijazah SsnPer.
2. Dalam penyediaan disertasi, seorang pelajar hendaklah mematuhi syarat-syarat yang seperti berikut:
  - a. mengikut format penulisan dan penyediaan disertasi sebagaimana yang terdapat dalam buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Gaya UKM dan Garis Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Kompilasi (jika berkenaan);
  - b. tidak mengemukakan disertasi yang telah diserahkan kepada Universiti atau universiti lain tetapi boleh memasukkan mana-mana bahagian daripada karya itu dengan syarat bahagian karya yang dimasukkan itu dirujuk dengan jelas;
  - c. disertasi pelajar hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu;
  - d. hasil penyelidikan yang ingin diterbitkan hendaklah mendapat persetujuan penyelia atau Jawatankuasa Penyeliaan.
3. Walau apapun perkara 6.9.1.2(c), disertasi boleh ditulis dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab dengan syarat mendapat kelulusan daripada Dekan.
4. Pelajar boleh memohon kelulusan yang disebut dalam perkara 6.9.1.3 dengan membuat permohonan secara bertulis selewat-lewatnya pada semester keempat (4) bagi pelajar program sarjana.
5. Kelulusan menulis dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab boleh diberikan tertakluk kepada keperluan berikut:
  - a. pelajar antarabangsa;
  - b. keperluan biasiswa;
  - c. keperluan majikan;
  - d. penyelia/ pemeriksa dari luar negara.
6. Semua disertasi yang ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab mesti didahului dengan abstrak Bahasa Melayu dan diikuti dengan Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab (jika berkenaan).
7. Had maksimum untuk disertasi program sarjana hendaklah tidak melebihi enam puluh ribu (60 000) patah perkataan.
8. Jumlah perkataan tidak termasuk catatan bawah, petikan, lampiran, rumus, jadual, gambarajah dan sebagainya.
9. Had minimum perkataan adalah ditetapkan oleh pihak fakulti dan kebenaran menulis disertasi melebihi had panjang yang telah ditetapkan boleh diperoleh dengan memohon kebenaran kepada Dekan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum menyerah disertasi untuk pemeriksaan.
10. Semua disertasi dan penerbitan mengenai hasil penyelidikan pelajar adalah tertakluk kepada Dasar Harta Intelek Universiti Kebangsaan Malaysia.
11. Jawatankuasa Peperiksaan Lisan boleh memberikan status tesis Cemerlang kepada pelajar selepas peperiksaan lisan dijalankan. Tesis bertaraf Cemerlang hanya layak dipertimbangkan kepada pelajar yang memenuhi semua kriteria berikut:
  - a. mendapat laporan daripada kedua-dua Pemeriksa Luar & Pemeriksa Dalam yang memperakarkan bahawa tesis berkenaan mencapai tahap cemerlang;
  - b. memenuhi syarat penerbitan minimum yang ditetapkan oleh program;

- c. Pelajar perlu menyiapkan dan menyerahkan tesis/disertasi dalam tempoh 6 semester bagi pelajar sepenuh masa, 8 semester bagi pelajar separuh masa;
- d. Pelajar dapat membentangkan hasil kajian dengan baik semasa peperiksaan lisan dijalankan.

### **6.8.2. Bentuk Disertasi**

- 1. Tesis disertasi boleh disediakan sama ada dalam bentuk tesis disertasi konvensional atau dalam bentuk tesis disertasi kompilasi.
- 2. Penyediaan tesis disertasi bentuk tesis disertasi kompilasi perlu mendapat kebenaran Fakulti dan tertakluk kepada Garis Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Kompilasi.

#### **6.8.2.1. Garis Panduan Penulisan Disertasi Kompilasi**

- 1. Penulisan disertasi format kompilasi adalah gaya penulisan alternatif kepada format disertasi konvensional. Format ini adalah khusus untuk pelajar yang telah menerbit atau telah diterima untuk penerbitan hasil penyelidikannya di dalam jurnal tersohor dalam bidang yang diiktiraf oleh Senat dalam tempoh pengajian pelajar.
- 2. Syarat-Syarat Bagi Penulisan disertasi Format Kompilasi:
  - a. Penyelia bersetuju bahawa disertasi penyelidikan yang telah dijalankan ditulis dalam bentuk disertasi kompilasi.
  - b. Pelajar perlu membuat permohonan secara bertulis kepada Dekan untuk menulis disertasi dalam bentuk kompilasi.
  - c. Pelajar telah menerbit atau telah diterima untuk penerbitan makalah dalam jurnal tersohor dalam bidang yang diiktiraf oleh Fakulti. Namun demikian setiap disiplin memerlukan tahap impak yang berbeza bagi memastikan kualiti yang setaraf dengan pengajian di peringkat Sarjana.
  - d. Makalah perlu memenuhi skop dan objektif penyelidikan yang dijalankan oleh pelajar. Kertas yang dibentangkan dalam persidangan atau seminar, dan kertas yang diterbitkan dalam prosiding persidangan atau seminar hanya boleh diterima sebagai bahan penerbitan sokongan sahaja.
  - e. Untuk pelajar Sarjana tidak kurang daripada dua (2) makalah, di mana satu (1) darinya telah diterbit atau telah diterima untuk penerbitan dalam jurnal Q1.
  - f. Pelajar perlu mendapatkan kebenaran hak cipta daripada penerbit makalah yang diterbitkan sekiranya disertasi hendak dibukukan.
  - g. Pelajar merupakan pengarang pertama (*first author*) atau pengarang yang dirujuk (*corresponding author*) bagi setiap makalah yang dinyatakan seperti di atas dan ditulis bersama penyelia.
  - h. Pelajar yang mempunyai lebih dari satu afiliasi perlu meletakkan Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai afiliasi pertama.
  - i. Bagi pelajar berstatus warganegara, di mana disertasi mesti ditulis dalam Bahasa Melayu kecuali dengan kebenaran Fakulti, makalah boleh ditulis dalam bahasa ia diterbitkan. Namun calon perlu menyertakan ringkasan makalah dan maklumat jurnal penerbitan di dalam Bahasa Melayu mengikut format seperti Perkara 6.9.2.1.3.
- 3. Kandungan disertasi perlu merangkumi perkara berikut:
  - a. Pernyataan bahawa disertasi ditulis mengikut format kompilasi.

- b. Senarai penerbitan yang dimasukkan sebagai bab dalam disertasi.
- c. Keseluruhan disertasi perlu disediakan mengikut format penulisan tesis/disertasi Gaya UKM.
- d. Bab Pengenalan – Bab ini memberi pengenalan kepada isu yang dikaji dan menerangkan perkaitan di antara makalah yang telah diterbit bagi memastikan disertasi dipersembahkan dalam bentuk yang bersepada.
- e. Bab Bahan Penerbitan – Setiap makalah yang telah diterbit perlu dipersembahkan sebagai bab berasingan di dalam disertasi. Abstrak makalah dan maklumat jurnal penerbitan perlu disertakan bagi disertasi yang ditulis dalam bahasa yang selain dari bahasa penulisan disertasi.
- f. Bab Kesimpulan – Bab ini mensintesis dapatan kajian dan memberi kesimpulan menyeluruh tentang penyelidikan yang telah dijalankan.
- g. Rujukan – Senarai rujukan merangkumi rujukan bagi bab Pengenalan dan bab Kesimpulan.

### **6.8.3. Serahan Disertasi untuk Pemeriksaan**

1. Pelajar hendaklah memberi notis secara bertulis kepada Dekan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum menyerahkan disertasi untuk pemeriksaan.
2. Pelajar yang akan menyerahkan Notis Serahan disertasi untuk tujuan pemeriksaan hendaklah memenuhi keperluan program.
3. Pelajar yang akan menyerahkan disertasi untuk tujuan pemeriksaan hendaklah:
  - a. menyerahkan disertasi dalam bentuk digital dan bercetak mengikut bilangan yang ditetapkan oleh fakulti;
  - b. menjelaskan yuran pemeriksaan disertasi;
  - c. memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Universiti; dan
  - d. mendapat pengesahan bebas plagiat daripada Dekan.
4. Pelajar yang belum memenuhi syarat penerbitan dibenarkan untuk menghantar tesis bagi tujuan pemeriksaan dan melalui peperiksaan lisan. Pelajar hendaklah mengemukakan bukti manuskrip telah dihantar untuk tujuan penerbitan semasa menyerahkan Notis Serahan Tesis/Disertasi. Notis Serahan Tesis/Disertasi tidak akan diterima tanpa bukti tersebut.
5. Pelajar yang telah lulus Peperiksaan Lisan disertasi dan diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan setelah memenuhi semua syarat yang ditetapkan hendaklah menyerahkan disertasi dalam bentuk berjilid dan digital mengikut bilangan salinan naskah yang ditetapkan oleh Universiti kepada Fakulti.

### **6.9. Peperiksaan Lisan**

Penilaian pelajar yang mengikuti program Sarjana hendaklah mengandungi:

- a. satu (1) disertasi yang akan diperiksa oleh sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Luar dan sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Dalam; dan
- b. Peperiksaan Lisan bagi mempertahankan disertasi di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan disertasi

Peperiksaan lisan disertasi adalah peperiksaan untuk seseorang pelajar mempertahankan hasil kajian yang dilaporkan dalam disertasi di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan. Peperiksaan ini merupakan suatu bahagian yang paling penting dalam proses pengajian seseorang pelajar siswazah.

#### **6.9.1. Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Disertasi**

1. Jawatankuasa Peperiksaan Lisan disertasi hendaklah dianggotai:
  - a. seorang pengurus yang terdiri daripada:
    - i. seorang Profesor; atau
    - ii. Profesor Madya Universiti yang dilantik oleh Naib Canselor;
  - b. Dekan atau wakilnya (jika perlu); dan
  - c. Pemeriksa Dalam; dan
  - d. Pemeriksa Luar.
2. Penyelia seseorang pelajar hanya boleh turut hadir sebagai pemerhati dalam sesi Peperiksaan Lisan pelajarnya.

#### **6.9.2. Panduan Umum Peperiksaan Lisan Disertasi**

1. Peperiksaan lisan disertasi terbahagi kepada dua (2) bahagian:
  - a. Bahagian pertama - pelajar dikehendaki memberikan ringkasan penyelidikan yang dijalankan, keputusan yang diperoleh, kesimpulan, dan sumbangan kepada bidang ilmu penyelidikan tersebut.
  - b. Bahagian kedua - sesi soal jawab oleh Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam.
2. Pembentangan lisan pelajar hendaklah tidak melebihi 20 minit. Pelajar dinasihatkan untuk mengatur dan membuat latihan supaya pembentangan lisan yang disampaikan adalah jelas dan mematuhi tempoh yang ditetapkan. Keutamaan pembentangan hendaklah diberikan kepada hasil kajian yang diperoleh dan sumbangan kepada bidang ilmu berkaitan. Oleh itu, pembentangan berkenaan kajian kepustakaan dan sejarah untuk menjelaskan mengapa kajian tersebut dijalankan perlu diminimumkan.
3. Dalam sesi soal jawab, soalan dan komen Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam adalah berdasarkan kepada disertasi dan pembentangan yang diberikan. Walau bagaimanapun, pelajar masih perlu memahami perkara-perkara lain berkaitan bidang penyelidikan yang mana akan turut diuji oleh pemeriksa. Soalan yang diaju oleh pemeriksa hendaklah dijawab dengan ringkas dan jelas, melainkan jika terdapat permintaan untuk menghuraikan jawapan yang diberi.
4. Selaras dengan Peraturan 55(3) Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2015, pelajar adalah dilarang untuk menghubungi atau mengacau ganggu atau mengancam Pemeriksa Luar/Dalam berhubung dengan penilaian disertasinya. Pelajar yang ingkar terhadap perkara ini boleh dikenakan tindakan tatatertib oleh pihak Universiti yang mana boleh mengakibatkan pelajar diberhentikan daripada pengajian. Pelajar hanya akan menerima laporan Pemeriksa selepas peperiksaan lisan selesai dijalankan.

#### **6.9.3. Pengumuman Keputusan Peperiksaan Lisan Disertasi**

1. Pengurus Jawatankuasa Peperiksaan Lisan disertasi akan memaklumkan keputusan peperiksaan lisan disertasi kepada pelajar termasuk tempoh pembetulan diberikan

- (jika berkenaan) dan individu bertanggungjawab menyemak pembetulan dilakukan (jika berkenaan).
2. Pelajar akan diingatkan untuk menyerahkan disertasi yang telah dibuat pembetulan mengikut tempoh yang ditetapkan bagi mengelakkan pelajar diberikan status gagal kerana tidak dapat menyerahkan disertasi yang dibuat pembetulan dalam tempoh yang ditetapkan.

#### 6.9.4. Pembetulan dan Penyerahan Disertasi

1. Pelajar adalah tertakluk kepada tempoh maksimum pembetulan disertasi yang diperakurkan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan.
2. Tempoh maksimum pembetulan kali pertama adalah selama dua belas (12) bulan dan tempoh maksimum pembetulan kali kedua selepas Peperiksaan Lisan Ulangan adalah tiga (3) bulan.
3. Bagi pelajar yang diberi tempoh maksimum pembetulan dua belas (12) bulan pada pemeriksaan kali pertama dikehendaki menyerah disertasi yang telah diperbetulkan untuk tujuan pemeriksaan ulangan dan perlu melalui Peperiksaan Lisan Ulangan.
4. Pelajar yang perlu melalui Peperiksaan Lisan Ulangan seperti yang disebut dalam perkara 6.10.4.3, perlu mendaftar dan dikenakan Yuran Peperiksaan Lisan Ulangan.
5. Walau bagaimanapun, pelajar boleh memohon untuk tambahan masa tempoh pembetulan daripada tempoh asal yang diberikan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan tertakluk kepada maksimum tiga (3) bulan tambahan. Permohonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan sebelum tempoh maksimum pembetulan asal tamat.
6. Pelajar yang gagal menyerah disertasi dalam tempoh maksimum termasuk tempoh tambahan, adalah dianggap gagal dan akan diberi status “Gagal dan Tidak Layak Dianugerahkan Ijazah”.
7. Bagi pelajar yang diberi tempoh maksimum pembetulan tiga (3) bulan pada pemeriksaan kali kedua dikehendaki menyerah tesis disertasi yang telah diperbaiki untuk tujuan pengesahan sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan.
8. Pelajar yang gagal untuk menyerahkan tesis disertasi dalam tempoh maksimum yang disebut dalam perkara 6.10.4.6 adalah dianggap gagal dan akan diberi status “Gagal dan Diberhentikan”.
9. Pelajar perlu menyerahkan disertasi yang telah dibuat pembetulan kepada Fakulti dalam tempoh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan. Pihak Fakulti bertanggungjawab untuk menyerahkan satu (1) salinan disertasi kepada pihak Perpustakaan Tun Seri Lanang.

#### 6.10 Naiktaraf daripada Program Sarjana ke Program Doktor Falsafah

Tertakluk kepada syor Jawatankuasa Pengajian Siswazah dan Fakulti serta kelulusan Senat. Pelajar hanya boleh memohon **SEKALI** sahaja dalam tempoh **DUA (2)** bulan pertama semester **KETIGA (3)** untuk menaiktaraf daripada program sarjana ke program doktor falsafah bagi pelajar yang mempunyai:

- a. PNGK yang baik (sekurang-kurangnya 3.00) bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda; dan

- b. Menghadiri dan membentangkan sekurang-kurangnya **SATU (1)** kertas kerja pada persidangan bukan anjuran UKM; dan
- c. Sekurang-kurangnya **SATU (1)** manuskrip yang diterima oleh jurnal berindeks WoS dalam bidang kajian dan merupakan pengarang utama; dan
- d. Penilaian LKC yang baik dan tiada tindakan disiplin pernah diambil; dan
- e. Mencapai/melengkapkan sekurang-kurangnya 75% objektif spesifik penyelidikan peringkat sarjana dan memperoleh markah penilaian sekurang-kurangnya 80% semasa pembentangan proposal untuk pertukaran taraf di peringkat jabatan dan Fakulti. (Penilaian dan kelulusan mestilah dibuat oleh Jawatankuasa Penilaian di peringkat jabatan yang terdiri daripada sekurang-kurangnya **TIGA (3)** pensyarah (selain daripada Penyelia; perakuan di peringkat Fakulti dibuat oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah); dan
- f. Selesai penulisan minimum **DUA (2)** bab tesis (Bab 1 - Pendahuluan dan Bab 2 – Kajian Kepustakaan; dan
- g. Mendapat sokongan bertulis dari Penyelia Utama dan Ketua Jabatan.
- h. Tempoh pengajian bagi pelajar yang membuat pertukaran dari program sarjana kepada program doktor falsafah dikira dari tarikh pendaftaran ke program sarjana dan bukan selepas pertukaran kepada program doktor falsafah.

#### **6.11. Kriteria Pengurniaan ijazah**

Calon mesti mencapai dan memenuhi syarat-syarat berikut untuk dikurniakan ijazah Sarjana Sains Perubatan Fakulti Perubatan:

- i. Lulus Kursus Kaedah Penyelidikan bagi semua pelajar mod penyelidikan dan menyempurnakan Kursus Bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa \*.
- ii. Mempunyai sekurang-kurangnya SATU (1) Artikel Berindeks Jurnal WoS yang telah diterbitkan atau telah diterima untuk penerbitan. Bukti penerbitan / penerimaan mesti diberikan untuk menduduki peperiksaan lisan.
- iii. Membentangkan sekurang-kurangnya SATU (1) kertas kerja penyelidikan di persidangan.
- iv. Lulus pemeriksaan tesis dan peperiksaan Lisan.
- v. Menyerahkan tesis dalam bentuk kulit keras, selepas pembetulan tesis jika ada pembetulan yang diminta semasa Peperiksaan Lisan, mengikut tempoh masa yang diberikan.

\* Pengecualian boleh diberikan kepada pelajar Antarabangsa yang telah mengikuti dan lulus kursus Bahasa Melayu yang dikendalikan oleh Pusat CITRA UKM atau institusi yang diiktiraf oleh Senat UKM.

#### **6.12 Penganugerahan Ijazah / Keperluan untuk penganugerahan ijazah**

Pelajar yang mengikuti pengajian di bawah program SsnPer (mod penyelidikan) hendaklah:

- a. memenuhi semua kehendak peraturan ini; dan
- b. lulus pemeriksaan tesis/disertasi dan Peperiksaan Lisan; dan
- c. memenuhi syarat penerbitan yang ditetapkan oleh Fakulti (rujuk perkara 6.11 Kriteria Bergraduasi); dan
- d. memenuhi syarat lain yang ditetapkan oleh Fakulti (rujuk perkara 6.11 Kriteria Bergraduasi); dan
- e. memenuhi syarat keperluan Bahasa Melayu bagi pelajar luar negara seperti yang ditetapkan oleh Universiti; dan
- f. diperakuan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan untuk kelulusan Senat; dan
- g. telah memulangkan semua harta benda Universiti; dan

h. telah melangsaikan hutang dan menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan oleh Universiti.

Pelajar yang berjaya memenuhi keperluan ini akan dianugerahkan Ijazah SSnPer.

# **Program Doktor Falsafah**

**Fakulti Perubatan  
UKM**

## **7. Program Doktor Falsafah**

### **7.1 Pengenalan**

Program ini ditawarkan dalam mod penyelidikan dan dijalankan melalui kerja penyelidikan dibawah penyeliaan ahli akademik Fakulti untuk meghasilkan tesis penuh pada akhir program. Mod ini dipilih oleh pelajar yang berminat dalam penghasilan ilmu baru, pemikiran kritikal, dan berancang untuk kemajuan kerjaya. Pelbagai topik penyelidikan ditawarkan oleh

program ini dan program ini bertujuan untuk menghasilkan calon yang layak dan mahir untuk tenaga kerja.

## 7.2 Objektif Program

### Objektif Pendidikan Program

Program ini bertujuan untuk:

- a. Melahirkan graduan kompeten yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran mantap dalam bidang sains perubatan dan kesihatan.
- b. Membentuk kompetensi dan kepakaran penyelidikan.
- c. Melahirkan graduan yang mempunyai sikap profesional serta beretika mulia.

### Hasil pembelajaran program

Pada akhir program, pelajar dijangka berkompetensi dalam:

- a. Mensintesis pengetahuan dan menyumbang kepada penyelidikan asli yang memperluas sempadan ilmu dalam bidang Perubatan dan Sains Kesihatan.
- b. Mengaplikasi kemahiran praktikal menjurus kepada idea inovatif untuk memberi pendedahan dalam bidang Perubatan dan Sains Kesihatan.
- c. Menjadi pakar rujuk kepada masyarakat berkaitan dengan bidang Perubatan dan Sains Kesihatan.
- d. Menjalankan penyelidikan secara bebas dan patuh kepada perundangan, etika dan kod amalan profesional.
- e. Mempamerkan kualiti kepimpinan melalui komunikasi dan kerjasama berkesan dalam kalangan penyelidik dan pihak berkepentingan.
- f. Mengaplikasi kemahiran saintifik untuk menangani permasalahan dalam bidang Perubatan dan Sains Kesihatan.
- g. Mempamerkan komitmen kepada pembelajaran sepanjang hayat.

## 7.3 Struktur Program

### Bentuk Pendaftaran

Bentuk pengajian untuk program adalah seperti berikut:

Jenis	Kewarganegaraan
Sepenuh masa	Malaysia Antarabangsa

Separuh masa	Malaysia Ekspatriat
--------------	------------------------

Hanya pelajar warganegara boleh memohon kepada Dekan/Pengarah, untuk menukar status pendaftaran daripada sepenuh masa kepada separuh masa atau sebaliknya, bagi program yang berkaitan, tertakluk kepada syarat seperti berikut:

- (d) permohonan boleh dibuat sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian; dan
- (e) permohonan tidak boleh dibuat selepas tempoh masa maksimum pengajian tamat; dan
- (f) permohonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan/Pengarah dalam tempoh empat (4) minggu daripada tarikh semester bermula.

Ekspatriat yang sedang berkhidmat di Malaysia dibenar untuk melanjutkan pengajian secara separuh masa tertakluk kepada peraturan berikut:

- (e) Ekspatriat tersebut berada di Malaysia menggunakan Pas Pengajian;
- (f) Ekspatriat perlu memohon kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk mendapatkan kebenaran belajar menggunakan Pas Pengajian sebelum mendaftar sebagai pelajar separuh masa;
- (g) Sekiranya kontrak ekspatriat/pekerja tamat atau ditamatkan, ekspatriat perlu memohon Pas Pelajar daripada Jabatan Imigresen Malaysia dan menukar bentuk pengajian ke sepenuh masa;
- (h) Sebarang perubahan tertakluk kepada peraturan Jabatan Imigresen Malaysia dari semasa ke semasa.

### **Tempoh Pengajian**

Tempoh pengajian program bagi Sarjana adalah seperti berikut:

	Sepenuh masa		Separuh masa	
	Tempoh Lazim	Tempoh Maksimum	Tempoh Lazim	Tempoh Maksimum
Bil. semesters	6	12	8	14

Walau bagaimanapun, pelajar yang cemerlang boleh memohon secara bertulis kepada Dekan melalui SPS untuk dikecualikan daripada syarat tempoh lazim tertakluk kepada tempoh minimum satu (1) tahun, setelah memenuhi keperluan program, syarat penerbitan dan syarat-syarat lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Fakulti dan Peraturan-peraturan UKM semasa.

Pelajar yang telah mencapai tempoh maksimum pengajian boleh memohon tambah masa pengajian. Pelajar yang tidak memohon tambah masa boleh diberhentikan kerana tamat tempoh pengajian.

Pelajar bagi program kedoktoran yang menamatkan pengajian dengan jayanya dalam tujuh (7) semester atau 42 bulan dihitung dari tarikh pendaftaran hingga tarikh tamat pengajian yang diluluskan Senat, dianggap sebagai bergraduat dalam masa yang ditetapkan (GOT). Pelajar yang terkesan akibat bencana/krisis luar jangka dan luar kawalan boleh memohon secara bertulis kepada Dekan melalui SPS untuk diberi penambahan satu (1) semester kepada pengiraan kriteria merit akademik.

### **Tambah masa pengajian**

Pelajar boleh membuat permohonan tambah masa pengajian bagi tiga (3) semester sebelum mencapai tempoh maksimum pengajian secara bertulis kepada Dekan melalui SPS. Pelajar boleh memohon tambahan masa satu (1) semester sahaja tertakluk kepada keputusan Senat.

Pelajar yang tempoh pengajiannya melebihi bilangan tahun maksimum termasuk tambahan masa boleh diberhentikan.

Pelajar yang menangguh pengajian dalam tempoh tambah masa tertakluk kepada syarat penangguhan pengajian.

### **Pertukaran mod pengajian**

Pelajar yang mengikuti program pengajian di bawah sesuatu mod boleh memohon untuk menukar kepada mod lain tertakluk kepada syarat berikut:

- (h) permohonan boleh dibuat sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian;
- (i) permohonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan melalui SPS dalam
- (j) tempoh empat (4) minggu daripada tarikh semester bermula;
- (k) permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh dua (2) semester dari tarikh
- (l) pendaftaran masuk ke Universiti;
- (m) syarat kelayakan masuk mod baharu dipenuhi;
- (n) jika pertukaran mod pengajian berlaku daripada mod penyelidikan ke mod kerja kursus/campuran atau sebaliknya, tempoh pengajian sebelum pertukaran mod pengajian tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum yang dibenarkan dan tertakluk kepada tempoh lazim pengajian baharu bagi melayakkan diri untuk suatu ijazah;

Pelajar antarabangsa yang telah mendapat kelulusan pertukaran bidang pengkhususan perlu memaklumkan kepada pejabat pengurusan visa di Universiti untuk mendapatkan pertukaran pas pelajar.

### **Penangguhan pendaftaran masuk pelajar baharu**

Pemohon yang telah diterima masuk tetapi belum mendaftar boleh memohon menangguh pendaftaran masuk untuk tempoh tidak kurang daripada satu (1) semester dan tidak melebihi dua (2) semester. Semua permohonan penangguhan pendaftaran masuk hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pusat Pengurusan Akademik Universiti. Pemohon yang telah diterima masuk tetapi gagal mematuhi tempoh yang ditetapkan adalah dianggap menolak tawaran dan tawaran akan terbatal.

### **Pendaftaran pelajar sedia ada**

Pelajar sedia ada hendaklah mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan pada setiap semester/sesi bermula. Pelajar sedia ada yang tidak mendaftar dalam tempoh empat (4) minggu selepas semester/sesi bermula tanpa mendapatkan kebenaran secara bertulis untuk menangguhkan pengajian daripada Dekan akan diberikan status "Diberhentikan Sebab Tidak Mendaftar". Pelajar yang telah diberhentikan boleh membuat rayuan secara bertulis kepada Dekan melalui SPS untuk meneruskan semula pengajian dengan syarat tidak melebihi dua (2) semester berturut-turut dan

dikenakan bayaran proses permohonan dan bayaran denda lewat mendaftar seperti yang ditetapkan oleh Universiti. Tempoh tidak mendaftar tersebut akan dikira sebagai tempoh tangguh pengajian dan tertakluk kepada tempoh penangguhan yang dibenarkan.

### **Penangguhan pengajian pelajar sedia ada**

Pelajar boleh memohon untuk menangguhkan pengajian berdasarkan sebab yang munasabah dan tempoh penangguhan ini tidak akan diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh pengajian yang ditetapkan. Penangguhan pengajian boleh dibenarkan untuk tempoh minimum satu (1)

semester dan tidak melebihi empat (4) semester sepanjang tempoh pengajian. Walau apapun tempoh yang ditetapkan sebelum ini, pelajar boleh memohon tambahan satu (1) semester sahaja untuk penangguhan pengajian tertakluk kepada kelulusan Senat. Pelajar yang diluluskan penangguhan pengajian tidak layak menggunakan sebarang kemudahan yang disediakan Universiti. Pelajar antarabangsa yang menangguh pengajian hendaklah membatalkan pas pelajar dan tertakluk kepada peraturan Jabatan Imigresen Malaysia dari semasa ke semasa.

Semua permohonan untuk menangguhkan pengajian hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan/Pengarah selewat-lewatnya empat (4) minggu daripada tarikh semester/sesi bermula. Bagi pelajar yang telah mendaftar, Fakulti boleh memberi kelulusan penangguhan pengajian selepas tempoh yang dinyatakan namun hendaklah sebelum tarikh peperiksaan/ penilaian semester bermula.

Pelajar yang tidak memohon penangguhan atau gagal mematuhi tempoh yang ditetapkan boleh diberhentikan dari pengajian.

### **Penangguhan khas pengajian**

Pemohon yang telah ditawarkan tetapi belum mendaftar dan pelajar sedia ada boleh memohon untuk penangguhan khas pengajian. Penangguhan khas ini tidak akan diambil kira dalam kiraan semester yang dibenarkan untuk tangguh. Syarat-syarat bagi membolehkan pelajar memohon penangguhan khas adalah seperti berikut:

- (d) sekatan kemasukan ke Malaysia oleh Kerajaan Malaysia;
- (e) sekatan keluar dari negara asal akibat peperangan atau wabak penyakit.
- (f) bencana/krisis luar jangka dan luar kawalan.

Semua permohonan untuk penangguhan khas pengajian ini hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan melalui SPS dalam tempoh empat (4) minggu daripada tarikh semester/sesi bermula beserta bukti-bukti yang bersesuaian bagi memenuhi perkara yang dinyatakan tertakluk maksimum dua (2) semester sepanjang tempoh pengajian.

### **Bahasa Pengantar**

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

### **Tempat pengajian**

Pelajar akan ditempatkan di jabatan penyelia. Kerja makmal akan dijalankan di jabatan tersebut atau mana-mana tempat yang sesuai, samaada di dalam atau luar kampus Fakulti yang diiktiraf oleh Universiti.

Pelajar hendaklah berada secara fizikal di kampus dengan tempoh kumulatif minimum SATU (1) semester sepanjang tempoh pengajian. Walau bagaimanapun, pelajar boleh memohon secara bertulis kepada Dekan melaui SPS untuk dikecualikan daripada syarat tersebut. Permohonan hendaklah dibuat dalam mana-mana semester sebelum pelajar menamatkan

pengajian. Bagi perkara ini, pelajar perlu mendapatkan pengesahan sekurang-kurangnya daripada Penyelia Utama atau Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan bahawa pelajar tiada keperluan untuk hadir secara fizikal ke kampus sepanjang tempoh pengajian.

#### **7.4 Penyeliaan**

1. Penyelia bagi pelajar di bawah program ini boleh terdiri daripada berikut:
  - a. kumpulan dua (2) penyelia yang terdiri daripada seorang Penyelia Utama dan seorang Penyelia Bersama; atau
  - b. Jawatankuasa Penyelia yang terdiri daripada seorang Penyelia Utama sebagai Pengerusi dan lebih seorang Penyelia Bersama sebagai ahli.

Sekurang-kurangnya dua (2) orang penyelia adalah staf akademik UKM.

2. Semua penyelia hendaklah dilantik oleh Dekan dan bertanggungjawab untuk menyelia dan membimbing penyelidikan, penulisan tesis *disertasi* serta menilai prestasi kemajuan pelajar.

#### **7.5. Syarat kemasukan**

1. Seseorang yang ingin memohon untuk mengikuti program kedoktoran hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut:
  - (a) Ijazah Sarjana dari Universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan/atau mempunyai akreditasi yang diiktiraf oleh Badan Akreditasi luar negara, atau institusi yang mempunyai akreditasi seperti mana yang ditetapkan oleh sesuatu program; atau
  - (b) Kelayakan lain yang setaraf dengan Ijazah Sarjana atau mempunyai kelayakan lain dengan pengalaman yang diiktiraf oleh Senat; atau
  - (c) Calon yang sedang mengikuti program SSnPer (mod penyelidikan) secara sepenuh masa di Universiti dan diperakukan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti untuk menukar status kepada program kedoktoran dengan kelulusan Dekan, serta memenuhi syarat yang berkaitan (merujuk kepada Garis Panduan Naiktaraf Daripada Program Ijazah Sarjana Ke Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Perubatan dan 6.11 diatas); atau
  - (d) Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian kelas pertama (PNGK 3.67 ke atas atau yang setara) dari Universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) - sila rujuk Garis Panduan Pengambilan Pelajar Program Doktor Falsafah Melalui Saluran Laluan Pantas (*Fast Track*) Fakulti Perubatan; atau
  - (e) Kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat yang diperoleh melalui Akreditasi Pembelajaran berdasarkan Pengalaman Terdahulu (APPT); atau
  - (f) Penuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh polisi kemasukan jabatan masing-masing (termasuk lulus ujian saringan yang ditetapkan oleh jabatan bagi yang berkenaan) dan dasar kemasukan UKM yang terdapat di Peraturan-peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2021.
  - (g) Memenuhi syarat Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
2. Syarat keperluan Bahasa Inggeris:

- e. Pelajar antarabangsa hendaklah memenuhi syarat keperluan Bahasa Inggeris dengan mendapat skor sekurang-kurangnya 550 untuk Ujian Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Asing (TOEFL) atau sekurang-kurangnya 6.5 untuk Sistem Ujian Bahasa Inggeris Antarabangsa (IELTS) atau skor sejajar untuk mana-mana perperiksaan yang telah dijajarkan kepada The Common European Framework of Reference (CEFR)\*; atau
- f. Mendaftar dan lulus Kursus Persediaan Bahasa Inggeris dalaman di UKM, iaitu Program Bahasa Inggeris Intensif (IEP), dengan had tempoh masa selama dua (2) tahun maksimum dan tertakluk kepada peraturan Jabatan Imigresen Malaysia yang sedang berkuat kuasa. IEP adalah kursus intensif yang memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris mereka dengan cara yang lebih cekap dan berkesan. Sebagai sebahagian daripada kursus ini, pelajar perlu menduduki *Cambridge English Placement Test* (CEPT). Setelah menamatkan kursus IEP, pelajar perlu menduduki Ujian MUET atau IELTS dan memperoleh skor MUET sekurang-kurangnya 4 atau skor IELTS sekurang-kurangnya 6.5. Sewaktu menjalani kursus IEP ini, pelajar akan berdaftar program pengajian sarjana sains perubatan secara penerimaan bersyarat.
- g. Bagi calon antarabangsa yang mempunyai kelayakan akademik yang diperoleh dari mana-mana universiti tempatan yang diiktiraf oleh Senat, pelajar tersebut boleh dikecualikan dari syarat yang dinyatakan dalam 2.(a) dan 2.(b) di atas, tetapi calon tersebut akan menduduki CEPT dan jika pelajar tersebut gagal memperoleh skor yang ditentukan oleh program tersebut (IEP5), calon dikehendaki menghadiri dan lulus IEP.
- h. Fakulti boleh memberikan pengecualian untuk syarat kecekapan Bahasa Inggeris untuk calon antarabangsa yang berasal dari negara di mana Bahasa Inggeris adalah bahasa rasmi atau menggunakan kelayakan akademik dari institusi pengajian tinggi yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sepenuhnya atau telah memperoleh ijazah lanjutan dari mana-mana fakulti atau institut di UKM, tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti.

\*Nota: Senarai peperiksaan yang telah dijajarkan kepada CEFR adalah tertakluk kepada senarai yang mendapat kelulusan Senat dari semasa ke semasa.

3. Rayuan pertimbangan semula kemasukan ke program kedoktoran boleh dikemukakan kepada Fakulti/Institut yang dipohon dalam masa 30 hari dari tarikh keputusan diterima.

## **7.6 Kaedah Penyampaian**

Kaedah pengajaran-pembelajaran yang digunakan melibatkan aktiviti yang berkaitan dengan penyelidikan: penyediaan proposal, tinjauan artikel, reka bentuk dan eksperimen, pengumpulan dan analisis data, membuat kesimpulan, penulisan tesis dan manuskrip, serta pembentangan di seminar dan persidangan. Kaedah pengajaran-pembelajaran program adalah bersesuaian dengan kurikulum. Pemantauan dilakukan oleh penyelia yang dilakukan secara berkala, melalui Laporan Kemajuan Calon (LKC) untuk setiap semester dan laporan kemajuan yang diadakan secara berkala di jabatan.

Setiap pelajar diminta untuk membentangkan proposal di Jabatan untuk mendapat persetujuan dari Jabatan. Setelah mendapat kelulusan dari Jabatan, proposal tersebut akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Penyelidikan dan Etika UKMMC sebelum akhir semester pertama.

## **7.7 Penilaian**

Setiap pelajar dinilai melalui penilaian formatif dan sumatif. Penilaian formatif penulisan artikel jurnal, penerbitan dan kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritikal dan kerja berpasukan. Seorang pelajar akan dinilai oleh penyelia pada setiap semester melalui LKC. Seorang pelajar boleh diberi status “Gagal dan Diberhentikan” sekiranya pelajar tersebut telah memperolehi LKC seperti berikut:

- (a) “dengan Ingatan” sebanyak empat (4) kali sepanjang tempoh pengajian; atau
- (b) “dengan Amaran” sebanyak dua (2) kali sepanjang tempoh pengajian; atau
- (c) gabungan dua (2) “dengan Ingatan” dan satu (1) “dengan Amaran” sepanjang tempoh pengajian; atau
- (d) “Gagal dan Diberhentikan” pada mana-mana semester.

Pelajar perlu menyempurnakan dan lulus kursus prasyarat yang ditetapkan iaitu Kursus Kaedah Penyelidikan bagi semua pelajar mod penyelidikan dan Kursus Bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa. Penilaian summatif sekurang-kurangnya satu (1) Pemeriksa Luar dan satu (1) Pemeriksa Dalam dalam melalui peperiksaan lisan ‘viva’ berpandukan tesis yang dihantar pada akhir penyelidikan.

Pelajar diminta untuk memberikan dua (2) Artikel Berindeks Jurnal *Web of Science* (WoS) telah diterbitkan atau telah diterima untuk penerbitan daripada hasil kajian pelajar dalam bidang berkaitan dengan penyelidikan Doktor Falsafah bersama Jawatankuasa Penyelia sebagai syarat untuk menduduki peperiksaan lisan. Semasa peperiksaan lisan, pelajar dinilai dengan mengukur tahap pencapaian dari segi kemampuan menganalisis, merumuskan dan kemampuan untuk mengkritik isu-isu yang berkaitan dengan penyelidikannya.

Penilaian bagi Kursus Kaedah Penyelidikan boleh dirujuk kepada proforma kursus yang disediakan di UKMfolio.

## **7.8 Penulisan Tesis**

### **7.8.1 Tesis**

1. Setiap pelajar dikehendaki mengemukakan tesis untuk memenuhi syarat sebelum dianugerahkan Ijazah PhD.
2. Dalam penyediaan tesis, seorang pelajar hendaklah mematuhi syarat-syarat yang seperti berikut:
  - a. mengikut format penulisan dan penyediaan tesis sebagaimana yang terdapat dalam buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Gaya UKM dan Garis Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Kompilasi (jika berkenaan);
  - b. tidak mengemukakan tesis yang telah diserahkan kepada Universiti atau universiti lain tetapi boleh memasukkan mana-mana bahagian daripada karya itu dengan syarat bahagian karya yang dimasukkan itu dirujuk dengan jelas;
  - c. tesis pelajar hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu;
  - d. hasil penyelidikan yang ingin diterbitkan hendaklah mendapat persetujuan penyelia atau Jawatankuasa Penyeliaan.
3. Walau apapun perkara 7.9.1.2(c), tesis boleh ditulis dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab dengan syarat mendapat kelulusan daripada Dekan.

4. Pelajar boleh memohon kelulusan yang disebut dalam perkara 7.9.1.3 dengan membuat permohonan secara bertulis selewat-lewatnya pada semester keenam (6) pengajian bagi pelajar program kedoktoran.
5. Kelulusan menulis dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab boleh diberikan tertakluk kepada keperluan berikut:
  - a. pelajar antarabangsa;
  - b. keperluan biasiswa;
  - c. keperluan majikan;
  - d. penyelia/ pemeriksa dari luar negara.
6. Semua tesis yang ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab mesti didahului dengan abstrak Bahasa Melayu dan diikuti dengan Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab (jika berkenaan).
7. Had maksimum untuk tesis program kedoktoran tidak boleh melebihi seratus ribu (100 000) patah perkataan.
8. Jumlah perkataan tidak termasuk catatan bawah, petikan, lampiran, rumus, jadual, gambarajah dan sebagainya.
9. Had minimum perkataan adalah ditetapkan oleh pihak fakulti dan kebenaran menulis tesis melebihi had panjang yang telah ditetapkan boleh diperoleh dengan memohon kebenaran kepada Dekan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum menyerah tesis untuk pemeriksaan.
10. Semua tesis dan penerbitan mengenai hasil penyelidikan pelajar adalah tertakluk kepada Dasar Harta Intelek Universiti Kebangsaan Malaysia.
11. Jawatankuasa Peperiksaan Lisan boleh memberikan status tesis Cemerlang kepada pelajar selepas peperiksaan lisan dijalankan. Tesis bertaraf Cemerlang hanya layak dipertimbangkan kepada pelajar yang memenuhi semua kriteria berikut:
  - a. mendapat laporan daripada kedua-dua Pemeriksa Luar & Pemeriksa Dalam yang memperakarkan bahawa tesis berkenaan mencapai tahap cemerlang;
  - b. memenuhi syarat penerbitan minimum yang ditetapkan oleh program;
  - c. Pelajar perlu menyiapkan dan menyerahkan tesis dalam tempoh 8 semester bagi pelajar sepenuh masa, 10 semester bagi pelajar separuh masa;
  - d. Pelajar dapat membentangkan hasil kajian dengan baik semasa peperiksaan lisan dijalankan.

### **7.8.2. Bentuk Tesis**

1. Tesis boleh disediakan sama ada dalam bentuk tesis konvensional atau dalam bentuk tesis kompilasi.
2. Penyediaan tesis bentuk tesis kompilasi perlu mendapat kebenaran Fakulti dan tertakluk kepada Garis Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Kompilasi UKM.

#### **7.8.2.1. Garis Panduan Penulisan Tesis Kompilasi**

1. Penulisan tesis format kompilasi adalah gaya penulisan alternatif kepada format tesis konvensional. Format ini adalah khusus untuk pelajar yang telah menerbit atau telah diterima untuk penerbitan hasil penyelidikannya di dalam jurnal tersohor dalam bidang yang diiktiraf oleh Senat dalam tempoh pengajian pelajar.
2. Syarat-Syarat Bagi Penulisan Tesis Format Kompilasi:
  - a. Penyelia bersetuju bahawa tesis penyelidikan yang telah dijalankan ditulis dalam bentuk tesis kompilasi.

- b. Pelajar perlu membuat permohonan secara bertulis kepada Dekan/Pengarah untuk menulis tesis dalam bentuk kompilasi.
  - c. Pelajar telah menerbit atau telah diterima untuk penerbitan makalah dalam jurnal tersohor dalam bidang yang diiktiraf oleh Fakulti. Namun demikian setiap disiplin memerlukan tahap impak yang berbeza bagi memastikan kualiti yang setaraf dengan pengajian di peringkat Kedoktoran.
  - d. Makalah perlu memenuhi skop dan objektif penyelidikan yang dijalankan oleh pelajar. Kertas yang dibentangkan dalam persidangan atau seminar, dan kertas yang diterbitkan dalam prosiding persidangan atau seminar hanya boleh diterima sebagai bahan penerbitan sokongan sahaja.
  - e. Untuk pelajar Kedoktoran tidak kurang daripada EMPAT (4), di mana DUA (2) darinya telah diterbit atau telah diterima untuk penerbitan dalam jurnal Q1.
  - f. Pelajar perlu mendapatkan kebenaran hak cipta daripada penerbit makalah yang diterbitkan sekiranya tesis hendak dibukukan.
  - g. Pelajar merupakan pengarang pertama (*first author*) atau pengarang yang dirujuk (*corresponding author*) bagi setiap makalah yang dinyatakan seperti di atas dan ditulis bersama penyelia.
  - h. Pelajar yang mempunyai lebih dari satu afiliasi perlu meletakkan Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai afiliasi pertama.
  - i. Bagi pelajar berstatus warganegara, di mana tesis mesti ditulis dalam Bahasa Melayu kecuali dengan kebenaran Fakulti, makalah boleh ditulis dalam bahasa ia diterbitkan. Namun calon perlu menyertakan ringkasan makalah dan maklumat jurnal penerbitan di dalam Bahasa Melayu mengikut format seperti Perkara 7.9.2.1.3.
3. Kandungan tesis perlu merangkumi perkara berikut:
- a. Pernyataan bahawa tesis ditulis mengikut format kompilasi.
  - b. Senarai penerbitan yang dimasukkan sebagai bab dalam tesis.
  - c. Keseluruhan tesis perlu disediakan mengikut format penulisan tesis/disertasi Gaya UKM.
  - d. Bab Pengenalan – Bab ini memberi pengenalan kepada isu yang dikaji dan menerangkan perkaitan di antara makalah yang telah diterbit bagi memastikan tesis dipersembahkan dalam bentuk yang bersepada.
  - e. Bab Bahan Penerbitan – Setiap makalah yang telah diterbit perlu dipersembahkan sebagai bab berasingan di dalam tesis. Abstrak makalah dan maklumat jurnal penerbitan perlu disertakan bagi tesis yang ditulis dalam bahasa yang selain dari bahasa penulisan tesis.
  - f. Bab Kesimpulan – Bab ini mensintesis dapatan kajian dan memberi kesimpulan menyeluruh tentang penyelidikan yang telah dijalankan.
  - g. Rujukan – Senarai rujukan merangkumi rujukan bagi bab Pengenalan dan bab Kesimpulan.

### **7.8.3. Serahan Tesis Untuk Pemeriksaan**

1. Pelajar hendaklah memberi notis secara bertulis kepada Dekan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum menyerahkan tesis untuk pemeriksaan.
2. Pelajar yang akan menyerahkan Notis Serahan Tesis untuk tujuan pemeriksaan hendaklah memenuhi keperluan program.
3. Pelajar yang akan menyerahkan tesis untuk tujuan pemeriksaan hendaklah:

- a. menyerahkan tesis dalam bentuk digital dan bercetak mengikut bilangan yang ditetapkan oleh fakulti;
  - b. menjelaskan yuran pemeriksaan tesis;
  - c. memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Universiti; dan
  - d. mendapat pengesahan bebas plagiat daripada Dekan.
4. Pelajar yang belum memenuhi syarat penerbitan dibenarkan untuk menghantar tesis bagi tujuan pemeriksaan dan melalui peperiksaan lisan. Pelajar hendaklah mengemukakan bukti manuskrip telah dihantar untuk tujuan penerbitan semasa menyerahkan Notis Serahan Tesis/Disertasi. Notis Serahan Tesis/Disertasi tidak akan diterima tanpa bukti tersebut.
5. Pelajar yang telah lulus Peperiksaan Lisan tesis dan diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan setelah memenuhi semua syarat yang ditetapkan hendaklah menyerahkan tesis dalam bentuk berjilid dan digital mengikut bilangan salinan naskah yang ditetapkan oleh Universiti kepada Fakulti.

## **7.9. Peperiksaan Lisan**

1. Penilaian pelajar yang mengikuti program Kedoktoran hendaklah mengandungi:
  - a. satu (1) tesis yang akan diperiksa oleh sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Luar dan sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Dalam; dan
  - b. Peperiksaan Lisan bagi mempertahankan tesis di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan.
2. Peperiksaan lisan tesis adalah peperiksaan untuk seseorang pelajar mempertahankan hasil kajian yang dilaporkan dalam tesis di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan. Peperiksaan ini merupakan suatu bahagian yang paling penting dalam proses pengajian seseorang pelajar siswazah.

### **7.9.1. Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Tesis**

1. Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Tesis hendaklah dianggotai:
  - a. seorang pengurus yang terdiri daripada:
    - i. seorang Profesor; atau
    - ii. Profesor Madya Universiti yang dilantik oleh Naib Canselor;
  - b. Dekan atau wakilnya (jika perlu); dan
  - c. Pemeriksa Dalam; dan
  - d. Pemeriksa Luar.
2. Penyelia seseorang pelajar hanya boleh turut hadir sebagai pemerhati dalam sesi Peperiksaan Lisan pelajarnya.

### **7.9.2. Panduan Umum Peperiksaan Lisan Tesis**

1. Peperiksaan lisan tesis terbahagi kepada dua (2) bahagian:
  - a. Bahagian pertama - pelajar dikehendaki memberikan ringkasan penyelidikan yang dijalankan, keputusan yang diperoleh, kesimpulan, dan sumbangan kepada bidang ilmu penyelidikan tersebut.
  - b. Bahagian kedua - sesi soal jawab oleh Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam.
2. Pembentangan lisan pelajar hendaklah tidak melebihi 20 minit. Pelajar dinasihatkan untuk mengatur dan membuat latihan supaya pembentangan lisan yang disampaikan

- adalah jelas dan mematuhi tempoh yang ditetapkan. Keutamaan pembentangan hendaklah diberikan kepada hasil kajian yang diperoleh dan sumbangan kepada bidang ilmu berkaitan. Oleh itu, pembentangan berkenaan kajian kepustakaan dan sejarah untuk menjelaskan mengapa kajian tersebut dijalankan perlu diminimumkan.
3. Dalam sesi soal jawab, soalan dan komen Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam adalah berdasarkan kepada tesis dan pembentangan yang diberikan. Walau bagaimanapun, pelajar masih perlu memahami perkara-perkara lain berkaitan bidang penyelidikan yang mana akan turut diuji oleh pemeriksa. Soalan yang diaju oleh pemeriksa hendaklah dijawab dengan ringkas dan jelas, melainkan jika terdapat permintaan untuk menghuraikan jawapan yang diberi.
  4. Selaras dengan Peraturan 55(3) Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2015, pelajar adalah dilarang untuk menghubungi atau mengacau ganggu atau mengancam Pemeriksa Luar/Dalam berhubung dengan penilaian tesisnya. Pelajar yang ingkar terhadap perkara ini boleh dikenakan tindakan tatatertib oleh pihak Universiti yang mana boleh mengakibatkan pelajar diberhentikan daripada pengajian. Pelajar hanya akan menerima laporan Pemeriksa selepas peperiksaan lisan selesai dijalankan.

#### **7.9.3. Pengumuman Keputusan Peperiksaan Lisan Tesis**

1. Pengurus Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Tesis akan memaklumkan keputusan peperiksaan lisan tesis kepada pelajar termasuk tempoh pembetulan diberikan (jika berkenaan) dan individu bertanggungjawab menyemak pembetulan dilakukan (jika berkenaan).
2. Pelajar akan diingatkan untuk menyerahkan tesis yang telah dibuat pembetulan mengikut tempoh yang ditetapkan bagi mengelakkan pelajar diberikan status gagal kerana tidak dapat menyerahkan tesis yang dibuat pembetulan dalam tempoh yang ditetapkan.

#### **7.9.4. Pembetulan dan Penyerahan Tesis**

1. Pelajar adalah tertakluk kepada tempoh maksimum pembetulan tesis yang diperakuan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan.
2. Tempoh maksimum pembetulan kali pertama adalah selama dua belas (12) bulan dan tempoh maksimum pembetulan kali kedua selepas Peperiksaan Lisan Ulangan adalah tiga (3) bulan.
3. Bagi pelajar yang diberi tempoh maksimum pembetulan dua belas (12) bulan pada pemeriksaan kali pertama dikehendaki menyerah tesis yang telah diperbetulkan untuk tujuan pemeriksaan ulangan dan perlu melalui Peperiksaan Lisan Ulangan.
4. Pelajar yang perlu melalui Peperiksaan Lisan Ulangan seperti yang disebut dalam perkara 7.10.4.3, perlu mendaftar dan dikenakan Yuran Peperiksaan Lisan Ulangan.
5. Walau bagaimanapun, pelajar boleh memohon untuk tambahan masa tempoh pembetulan daripada tempoh asal yang diberikan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan tertakluk kepada maksimum tiga (3) bulan tambahan. Permohonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan sebelum tempoh maksimum pembetulan asal tamat.
6. Pelajar yang gagal menyerah tesis dalam tempoh maksimum termasuk tempoh tambahan, adalah dianggap gagal dan akan diberi status “Gagal dan Tidak Layak Dianugerahkan Ijazah”.
7. Pelajar perlu menyerahkan tesis yang telah dibuat pembetulan kepada Fakulti dalam tempoh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan. Pihak Fakulti bertanggungjawab untuk menyerahkan satu (1) salinan tesis kepada pihak Perpustakaan Tun Seri Lanang.

## **7.10. Kriteria Pengurniaan Ijazah**

Calon mesti mencapai dan memenuhi syarat-syarat berikut untuk dikurniakan ijazah Sarjana Sains Perubatan Fakulti Perubatan:

- i. Lulus Kursus Kaedah Penyelidikan bagi semua pelajar mod penyelidikan dan menyempurnakan Kursus Bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa \*.
- ii. Mempunyai sekurang-kurangnya DUA (2) Artikel Berindeks Jurnal WoS yang telah diterbitkan atau telah diterima untuk penerbitan. Bukti penerbitan / penerimaan mesti diberikan untuk menduduki peperiksaan lisan.
- iii. Membentangkan sekurang-kurangnya SATU (1) kertas kerja penyelidikan di persidangan.
- iv. Lulus pemeriksaan tesis dan peperiksaan Lisan.
- v. Menyerahkan tesis dalam bentuk kulit keras, selepas pembetulan tesis jika ada pembetulan yang diminta semasa Peperiksaan Lisan, mengikut tempoh masa yang diberikan.

\* Pengecualian boleh diberikan kepada pelajar Antarabangsa yang telah mengikuti dan lulus kursus Bahasa Melayu yang dikendalikan oleh Pusat CITRA UKM atau institusi yang diiktiraf oleh Senat UKM.

## **7.11 Penganugerahan Ijazah / Keperluan untuk penganugerahan ijazah**

1. Pelajar yang mengikuti pengajian di bawah program PhD hendaklah:
  - a. memenuhi semua kehendak peraturan ini; dan
  - b. lulus pemeriksaan tesis dan Peperiksaan Lisan; dan
  - c. memenuhi syarat penerbitan yang ditetapkan oleh Fakulti (rujuk perkara 7.10 Kriteria Bergraduasi); dan
  - d. memenuhi syarat lain yang ditetapkan oleh Fakulti (rujuk perkara 7.10 Kriteria Bergraduasi); dan
  - e. memenuhi syarat keperluan Bahasa Melayu bagi pelajar luar negara seperti yang ditetapkan oleh Universiti; dan
  - f. diperakuan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan untuk kelulusan Senat; dan
  - g. telah memulangkan semua harta benda Universiti; dan
  - h. telah melangsinkan hutang dan menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan oleh Universiti.
2. Pelajar yang berjaya memenuhi keperluan ini akan dianugerahkan Ijazah PhD.



# **Sokongan Pelajar, Pemberhentian Pelajar dan Rayuan**

**Fakulti Perubatan  
UKM**

## 8. Sokongan Pelajar

### Graduate Assist


Unit ini telah ditubuhkan pada Oktober 2019 berdasarkan kepada keperluan pelajar siswazah terhadap sokongan hal-hal berkaitan akademik dan psikososial. Tujuan penubuhannya adalah untuk memperbaiki suasana pembelajaran pelajar siswazah agar menjadi suasana yang paling kondusif dari semua aspek.

Objektif-objektif utama unit ini adalah:

- Memberi kaunseling cara menangani masalah-masalah berkaitan psikososial;
- Memberi nasihat secara professional kepada pelajar-pelajar yang mempunyai masalah;
- Memberi kaunseling berkaitan akademik; dan
- Memberi nasihat dan tunjuk ajar perkara berkaitan kewangan.

Bagaimana Graduate Assist berfungsi?

Pelajar-pelajar siswazah yang memerlukan sokongan luar dari jabatan mereka, boleh menghubungi *Graduate Assist* dan bercakap tentang masalah mereka dengan kaunselor pelatih atau pelajar rakan sebaya sukarela. Sesi kaunseling boleh dilakukan beberapa kali atau boleh disalurkan kepada sistem sokongan yang bersesuaian mengikut keperluan pelajar. *Standard operating procedure (SOP) Graduate Assist* adalah seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1.



Rajah 1: SOP Unit *Graduate Assist*

## **Aktiviti-aktiviti dan sistem sokongan rakan sebaya**

Satu kumpulan sukarela iaitu Pembimbing Rakan Siswa (*Peer Support*) telah dibentuk yang terdiri dari ahli-ahli pelbagai jabatan klinikal untuk memberi sokongan rakan sebaya bagi program ini. Bengkel-bengkel dan skil yang berkaitan untuk membantu pelajar (contohnya dari segi komunikasi, hal berkaitan kesihatan psikologi) telah dirancang dan dimulakan oleh kumpulan sukarela tersebut hasil dari input-input yang diberikan oleh ahli-ahli akademik dari jabatan Pendidikan, Fakulti Sains Kesihatan dan Fakulti Perubatan.

Maklumat terkini mengenai unit *Graduate Assist* boleh dicapai secara atas talian di laman berikut: <https://www.ukm.my/spsfper/graduates-assist/>

## **9. Pemberhentian Pelajar dan Rayuan**

### **a. Pemberhentian pelajar**

1. Senat berhak untuk mengambil tindakan yang wajar termasuk menggantung atau memberhentikan seseorang pelajar pada bila-bila masa jika pelajar didapati –
  - a. memberi maklumat palsu berkenaan syarat kemasukan atau sepanjang tempoh pengajiannya atau bagi tujuan mendapatkan Ijazah;
  - b. dalam keadaan ketidakupayaan mental atau fizikal yang disahkan oleh pakar perubatan;
  - c. gagal mengekalkan prestasi akademik yang baik sepetimana yang ditetapkan Universiti;
  - d. melebihi tempoh pengajian yang dibenarkan.
2. Setiap pelajar adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa atau terpakai termasuk Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999, Dasar Harta Intelek Universiti Kebangsaan Malaysia 2010, Dasar Etika Integriti Penerbitan dan Penulisan Universiti Kebangsaan Malaysia dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan dengannya.
3. Mana-mana pelajar yang melakukan kesalahan tatatertib termasuklah mengacau ganggu atau mengancam penyelia atau urusetia siswazah, menghubungi atau mengacau ganggu atau mengancam Pemeriksa Luar dan/atau Pemeriksa Dalam berhubung dengan penilaian tesisnya/disertasinya dan/atau melakukan salah laku penyelidikan adalah tertakluk kepada tindakan di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

### **b. Salah Laku Penyelidikan**

1. Salah laku penyelidikan adalah perbuatan yang menyalahi etika penyelidikan seperti memfabrikasi, memalsu atau memplagiat dalam menghasilkan penulisan tesis/disertasi, laporan projek sarjana, kertas kerja, tugas dan hasil kajian secara sebahagian atau sepenuhnya seperti berikut:

- a. fabrikasi adalah perlakuan mewujudkan data, merekod atau melaporkan data/keputusan yang tidak wujud;
  - b. pemalsuan adalah perlakuan memanipulasi hasil penyelidikan atau proses atau menukar atau mengeluarkan data sehingga menyebabkan rekod penyelidikan tidak mencerminkan penyelidikan yang sebenarnya;
  - c. plagiarisme adalah perbuatan mengambil idea, proses, hasil dapatan, penulisan, gambar atau rajah tanpa merujuk sumber rujukan yang asal dan mengakui sebagai hasil kerja sendiri.
2. Peraturan ini hendaklah dibaca bersama Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2012, Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia 2010 (Pindaan) 2012, Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 dan Dasar Etika dan Integriti Penerbitan dan Penulisan Universiti Kebangsaan Malaysia.
3. Salah laku penyelidikan tidak termasuk kesilapan ‘suci hati’ atau perbezaan pendapat.
4. Aduan salah laku penyelidikan hendaklah dikemukakan kepada Dekan menggunakan borang yang ditetapkan Universiti.
5. Sebarang aduan yang diterima di bawah subperaturan (4) akan dipertimbangkan oleh sebuah jawatankuasa bebas untuk menentukan kesahihan salah laku berkenaan.
6. Pelajar yang didapati melakukan salah laku penyelidikan adalah tertakluk kepada tindakan di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 dan/atau tindakan lain yang ditetapkan oleh Senat.

**c. Rayuan**

**Rayuan untuk semak semula keputusan Peperiksaan Lisan**

1. Pelajar boleh membuat rayuan terhadap keputusan penilaian Peperiksaan Lisan tesis/disertasinya.
2. Permohonan rayuan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Dekan dalam tempoh empat (4) minggu selepas tarikh penyiaran keputusan rasmi peperiksaan dikeluarkan.
3. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh yang disebut dalam subperaturan (2) tidak akan dipertimbangkan.
4. Rayuan tersebut hendaklah menyatakan alasan munasabah untuk semakan semula beserta bayaran pemprosesan yang ditetapkan dan bayaran berkenaan tidak boleh dituntut balik.
5. Dekan/Pengarah yang menerima permohonan rayuan hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Semakan Rayuan Keputusan Peperiksaan Lisan Tesis/Disertasi. Jawatankuasa ini hendaklah dianggotai oleh:
  - a. seorang Profesor sebagai Pengerusi; dan
  - b. dua (2) orang Profesor atau Profesor Madya dalam bidang berkaitan; dan
  - c. dua (2) orang ahli lain bertaraf Profesor atau Profesor Madya; dan
  - d. Penolong Pendaftar Fakulti/Institut sebagai urusetia.
6. Jawatankuasa Semakan Rayuan Keputusan Peperiksaan Lisan Tesis/Disertasi boleh menjemput Pengerusi Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Tesis/Disertasi atau wakilnya untuk turut hadir bagi mendapatkan latar belakang keputusan Peperiksaan Lisan pelajar.
7. Keputusan Jawatankuasa Semakan Rayuan Keputusan Peperiksaan Lisan Tesis/Disertasi hendaklah dikemukakan bagi pertimbangan Dekan dan keputusannya tertakluk kepada pengesahan Senat.
8. Keputusan yang disahkan oleh Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan tersebut tidak akan dipertimbangkan.

### **Rayuan untuk meneruskan semula pengajian pelajar**

1. Pelajar yang diberhentikan dan diberi status “Gagal dan Diberhentikan” boleh merayu untuk meneruskan pengajian tertakluk kepada persetujuan Penyelia Utama/Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan dan perakuan Dekan/Pengarah.
2. Rayuan hendaklah dikemukakan kepada Dekan dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh penyiaran keputusan rasmi dikeluarkan berdasarkan Laporan Kemajuan Calon (LKC).
3. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh yang disebut dalam subperaturan (2) tidak akan dipertimbangkan.
4. Setiap rayuan hendaklah disertai dengan bayaran pemprosesan yang ditetapkan dan bayaran berkenaan tidak boleh dituntut balik.
5. Setiap permohonan rayuan yang diterima hendaklah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti untuk kelulusan Senat.
6. Keputusan Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya tidak akan dipertimbangkan.

### **10. Penafian**

Isu kandungan buku panduan program ini boleh berubah tertakluk kepada peraturan dan perkeliling yang terkini oleh UKM. Isi kandungan buku panduan ini diambil dan diubahsuai daripada *Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2021*. Sebarang percanggahan dalam buku paduan ini perlu rujuk kepada *Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2021* sebagai sumber utama.

**Penyunting:**

*Prof. Dr. Norlaila Mustafa*

*Prof. Dr. Zarina Abdul Latiff*

*PM Dr. Alfizah Hanafiah*

*PM Dr. Salwati Shuib*

*Dr. Teoh Seong Lin*

*Dr. Yogeswaran Lokanathan*

*Dr. Elena Aisha Azizan*

*Dr. Mohd Helmy Mokhtar*

*Dr. Tan Jen Kit*

*Dr. Raja Muhammad Azlan Shah Raja Alang Muhammad*

*Pn. Nurul Safaniza Che Ani*

Disusun untuk sesi akademik 2021/2022



Sekretariat Pengajian Siswazah  
*Secretariat of Postgraduate Studies*

**FAKULTI PERUBATAN**  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA